

BAB 5

SOSIALISME

5.0 PENDAHULUAN

Bab ini akan membicarakan aspek sosialisme iaitu komponen ketiga pemikiran politik yang terkandung dalam teks kajian. Sosialisme merupakan fahaman politik⁶² sesetengah tokoh-tokoh radikal Melayu⁶³ yang berhaluan kiri di negara ini seperti Ahmad Boestamam⁶⁴ dalam menawarkan satu bentuk pemikiran sosio-politik alternatif kepada Malaysia khususnya ketika negara dalam kancang kolonial serta *periode awal pasca merdeka*.

Menyingkap sejarah awal sosialisme, ia dikatakan bertunjang daripada idea Karl Marx (1818-1883) tetapi dari masa ke semasa telah mengalami banyak perubahan⁶⁵. Secara

⁶² Bermaksud pandangan dan pendapat yang tidak *rigid* – berubah mengikut kepentingan situasi politik yang mereka hadapi. Contohnya konsep nasionalisme Melayu diguna-pakai dalam menghadapi ancaman kolonial British yang menyingsinggung kepentingan dan maruah orang Melayu seperti gerakan penentang gagasan MU, walhal dalam menangani konsep sosialisme pula, persoalan kebangsaan dikesampingkan.

⁶³ Contohnya, Ibrahim Hj Yaakob, Dr Burhanudin Al Helmi, Ishak Hj. Muhammad (Pak Sako).

⁶⁴ Namun begitu menurut Abdul Rahman Haji Abdullah (1998) tidaklah begitu tepat mengatakan mereka (tokoh-tokoh politik berhaluan kiri termasuk Ahmad Boestamam) berada di bawah bumbung sosialisme melainkan hanya mengamalkan fahaman kerakyatan sia sosialisme. (Lihat *Pemikiran Islam Di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur & Pulau Pinang: Dewan Bahasa dan Pustaka & Pusat Pengajaran Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia (Penerbitan Bersama) hlm.246-247)

⁶⁵ Sosialisme mempunyai pelbagai pengertian tetapi kebanyakannya pendapat umum menyamakan dengan marxisme-komunisme. Sosialisme dan Marxisme-Komunisme adalah dua konsep ideologi yang berbeza walaupun ada perkaitannya. Marxisme melibatkan unsur sosialisme tetapi sosialisme pula beraneka jenis dan bebas daripada filsafah serta cara bertindak marxisme-komunisme. Contohnya di Eropah

umumnya, sosialisme mencakupi persoalan sosio-politik, budaya dan falsafah sesuatu bangsa. Tetapi falsafah sosialisme lebih dikaitkan dengan sistem pengagihan nilai-nilai material (ekonomi) dalam masyarakat sebagai landasan utamanya (Syed Ahmad Husin 1994: 114).

Dari segi praktis, sosialisme berteraskan pembahagian ekonomi negara sama rata kepada semua rakyat jelata – “satu untuk semua; semua untuk satu”. Ini amat bertentangan dengan amalan kapitalisme⁶⁶ yang lebih mengutamakan kaum pemodal atau kaum elitis dan mereka diberi hak menguasai, mengaut dan menggunakan keuntungan, sebaliknya rakyat yang tidak memiliki modal akan menderita, terabai dan ditindas oleh golongan tersebut.

Sosialis berpendapat amalan kapitalisme di sesebuah negara akan hanya mewujudkan pengagihan kek ekonomi yang tidak adil dan tidak seimbang dikalangan rakyat sekaligus melebarkan jurang kemiskinan di antara golongan elit dengan marhean. Selanjutnya, mereka yakin bahawa apabila wujud ketidakseimbangan ekonomi di kalangan rakyat jelata, beberapa kemungkinan masalah utama seperti kepincangan sosial, kerapuhan sistem

sosialisme dan Marxisme dalam politik sebenar sudah lama berpisah. Kebanyakan negara dan part-parti politik sosialis mengamalkan fahaman dan kaedah penyertaan rakyat ala demokrasi liberal. Di Perancis dan negara-negara Scandinavia telah mengamalkan sosialisme yang dipanggil “sosialisme demokratik” yang berbeza sekali dengan falsafah Marxisme-Komunisme atau “sosialisme marxis”. Malah negara-negara di Eropah Barat seperti Itali serta Kesatuan Soviet (kini telah dibubarkan) semakin meninggalkan dogma-dogma revolusi Marx dan menonjolkan kebebasan mereka. (Keterangan lanjutan- lihat Syed Ahmad Hussein 1994. *Pengantar Sains Politik*. Kuala Lumpur & Pulau Pinang: Dewan Bahasa dan Pustaka & Pusat Pengajian Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia (Penerbitan Bersama) hlm.113-114)

⁶⁶ Kapitalisme menonjolkan konsep ekonomi bebas kepada setiap individu dan konsep *open-door* bagi sektor ekonomi dalam negeri dengan menyediakan berbagai bentuk insentif. Ini bermakna rakyat bahkan kadang kala bukan rakyat diberi menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi dengan bebas. Dibiarkan pengeluaran (*production*) dan penggunaan (*consumption*) tanpa sebarang had dan sekatan. Diperharuskan memiliki punca-punca pengeluaran (*means of production*) yang dijadikan modal tanpa sebarang ikatan, bahkan setiap individu boleh memilih cara tersendiri walaupun dengan berselindung di sebalik putar-balit dan rasuah dalam mengumpul, memperbanyak dan menggunakan kekayaan. Dalam keadaan demikian rupa sistem dan undang-undang yang sedia ada hanya bertindak sebagai pengawal kepada kegiatan-kegiatan ekonomi. Tindakan sebenarnya tidak akan diambil melainkan setelah keadaan sudah tidak terkawal lagi atau penyelewengan dan sabotaj yang berlaku mengancam ekonomi, keamanan dan ketahanan negara. Manakala dalam hubungan perdagangan antarabangsa pula, didapati kapitalisme memberangsangkan apa yang dinamakan *free-competition*, terutamanya dalam bidang pengeluaran dan pemasaran sehingga menimbulkan berbagai masalah ekonomi (lihat juga “Kapitalisme” dlm. Zulkarnain Yusoff dan Zaid Ngah. *It Pemikiran Politik Islam*. Shah Alam: Pendidikan Jarak Jauh, Institut Teknologi Mara (UiTM) hlm.26-27)

pentadbiran kerajaan, ketidak-stabilan politik akan melanda negara semata-mata berpunca daripada ketidak-adilan dalam pengagihan kek ekonomi. Jadi, untuk meninjau lebih lanjut idea dan program sosialisme itu, Syed Ahmad Husin (1994: 115) menggariskan tiga soal asas berikut:-

- i. Keutamaan diberi kepada "soal ekonomi" iaitu aktiviti manusia yang berkait dengan pengeluaran dan pembahagian barang-barang dan perkhidmatan dalam masyarakat
- ii. Keinginan untuk menghapuskan sistem ekonomi yang menindas, iaitu di mana manusia mendapat faedah dan keuntungan melalui penindasan ke atas manusia lain
- iii. Rombakan sistem ekonomi untuk menghapuskan penderitaan serba kekurangan di kalangan ahli masyarakat, melalui satu rangka yang lebih sama rata dan melalui perkongsian bersama.

Ketiga-tiga soal asas idea dan program sosialisme sebagaimana yang diterangkan oleh Syed Ahmad itu akan dijadikan landasan dan garisan untuk menganalisis aspek sosialisme yang terkandung di dalam teks kajian. Ini akan memudah pengenal-pastian idea sosialisme yang diungkapkan oleh Ahmad Boestamam baik melalui gambaran atau wacana pengarang terhadap sepuluh buah novel-novelnya itu.

Dalam membuat analisis, ketiga-tiga soal asas sosialisme tersebut akan juga dikaitkan dengan penglibatan pengarang dalam arena politik tempatan di zaman kolonial, zaman pasca merdeka serta sejarah aliran sosialisme di negara ini supaya satu rumusan dan kesimpulan dapat buat dengan lebih jelas, tepat dan memenuhi matlamat kajian.

5.1 SOROTAN PERKEMBANGAN SOSIALISME DI MALAYSIA

Perkembangan awal sosialisme di negara ini dapat dikesan pada sekitar tahun 40-an melalui perjuangan tokoh-tokoh kiri berbangsa Melayu yang bergerak di dalam parti-parti politik beraliran radikal seperti KMM, PKMM dan PRM. Namun konsep sosialisme yang digerakkan hanya berbentuk fahaman kerakyatan ala sosialisme (Abdul Rahman Abdullah 1998: 246) yang menjurus kepada kepentingan satu kaum sahaja iaitu orang-orang Melayu. Peranan tersebut jelas dimainkan oleh tokoh utama KMM, Ibrahim Haji Yaakob dan Ishak Haji Muhammad yang sering mempersoalkan kemiskinan orang Melayu di negara ini dengan bergerak aktif menentang monopoli ekonomi oleh penjajah British (Abdul Rahman Abdullah 1998: 246)

Penguasaan British terhadap bahan komoditi negara seperti bijih timah dan getah serta pengimportan besar-besaran buruh asing berbangsa Cina dan India menyebabkan sektor industri bijih timah dimonopoli oleh buruh daripada negeri China manakala sektor perladangan dikuasai pekerja-pekerja daripada India. Fenomena ini mengakibatkan orang Melayu hanya bergantung hidup kepada sektor pertanian kecil-kecilan dengan mengusahakan kebun getah dan sawah padi, sekaligus membentuk kek ekonomi tidak seimbang di kalangan kaum-kaum majoriti seperti Melayu, Cina dan India di negara ini.

Kemunculan senario ekonomi akibat amalan pemerintahan British secara *divide and rule* ketika itu digambarkan oleh Ibrahim Haji Yaakob dalam bukunya *Melihat Tanah Air* (1975: 15-16) seperti di bawah ini:

Orang-orang Melayu semakin hari semakin miskin. Pasar-pasar perniagaan di seluruh Tanah Melayu adalah kepunyaan asing. Di antara sebab-sebab yang menjadikan orang Melayu terdesak ialah modal luar, buruh luar dengan bawaan modal luar, dan barang-barang dari luar dengan bawaan modal dan buruh luar, yang tujuannya untuk membuka negeri ini dengan seluas-luasnya tanpa menghiraukan hal kehidupan orang-orang Melayu.

Hakikatnya, fenomena tersebut menyebabkan berlakunya tentangan daripada tokoh-tokoh radikal terhadap ketidak-adilan sistem kapitalis yang diamalkan di Malaya. Malahan tentangan tidak hanya daripada mereka yang berslogarkan sosialisme tetapi juga datang daripada akhbar-akhbar Melayu sendiri⁶³ dan juga dalam karya sastera Umpamanya, Ishak Haji Muhamad dalam novel satiranya *Putera Ciumung Tuhan* (1938) dan *Anak Mat Lela Gila* (1941) mendakwa British datang ke Malaya kerana wang tanpa memperdulikan kepentingan dan hak pribumi.

Penentangan terhadap kapitalisme dengan berslogarkan sosialisme turut dimainkan oleh Ahmad Boestaman juga seorang tokoh KMM yang kemudiannya mengasas dan memimpin PRM. Perjuangan sosialismenya lebih bercorak marhaenisme yang berlandaskan falsafah politik Sukarno⁶⁴. Menurut beliau, marhaenisme ialah sosialisme yang disifatkannya sama dengan gotong-royong dan berdasarkan demokrasi⁶⁵.

Walaupun perkembangan sosialisme di negara ini dilihat agak terencat pada era awal pasca merdeka namun pada tahun 1959 terdapat percubaan sekumpulan pelajar Universiti

⁶³ Lihat "Bahaya Modal Luar", *al-Hikmah*, 5 September 1940; "Kartawan daripada Luar", *al-Hikmah*, 20 September 1940; "Dua Habis Majlis", 9 Februari 1940.

⁶⁴ Lihat Ahmad Boestaman 1960 *Sumbilan Teori Marhaenisme*. Kuala Lumpur: Pustaka Tegas. Lihat juga *Lambutan dari Pemukim* 66-67).

⁶⁵ Lihat *Aliran Rakyat*, 26 April 1957.

Malaya untuk menubuhkan Kelab Sosialis tetapi tidak berjaya, hanya pada bulan Disember 1967 kelab itu berjaya ditubuhkan yang dipimpin pelajar-pelajar bukan Melayu⁶ di samping beberapa orang tokoh pelajar Melayu⁷ (Abdul Rahman Abdullah 1998: 248). Kemudian, dikembangkan dengan kemunculan intelektual-intelektual Melayu lulusan Universiti Malaya seperti Kassim Ahmad dan Syed Husin Ali yang bergerak cergas dalam PRM⁸. Melalui PRM sosialisme berkembang di negara ini dengan kewujudan sekurang-kurangnya tiga fahaman sosialis yang menjadi teras kepada penubuhannya iaitu.

i Fahaman Marhaenisme

PRM mengamal fahaman ini semenjak tahun 1955 hingga 1969 ketika Ahmad Boestamam memegang terajunya. Fahaman tersebut berasaskan landasan perjuangan Sukarno yang mempunyai tiga unsur utama iaitu ketuhanan yang Maha Esa, sionasionalisme dan sosiodemokrasi.⁹

ii Fahaman Sosialisme Saintifik

Ia diperkenalkan oleh Kassim Ahmad pada tahun 1969. Sosialisme saintifik merupakan satu teori politik yang bertujuan memberi panduan kepada rakyat yang tertindas untuk mereka membebaskan diri daripada tekanan dan penindasan politik, ekonomi dan sosial. Selaras dengan fahaman ini PRM menganjurkan supaya "demokrasi sosialisme" diamalkan di negara ini¹⁰.

iii Fahaman Sosialis

Sesuai dengan peredaran zaman PRM menukar fahamannya daripada sosialisme saintifik kepada sosialisme yang mengambil-kira Islam dan nasionalisme. Perubahan ini menjadikan Islam sebagai satu teras dan objektif pencapaian parti. Tumpuan fahaman ini lebih menjurus kepada persoalan ekonomi yang

⁶ Di antara mereka ialah Cheah Hoon Kheng, Khong Kum Hoong dan Yeoong Suan. Keemasan mereka ini ketuhannya mendapat ijazah Ph.D dan menjadi penawaroh di universiti-universiti tempatan.

⁷ Di antara mereka ialah Syed Harid Ali (sebk Syed Husin Ali), Saman Ghazali, Rustam A. Sani (sebk Ahmad Boestamam), Hishamuddin Ross, Yusni Lebar Ali dan sebagainya.

⁸ Dahulunya dikenali sebagai Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM).

⁹ Lihat Pengantar Politik Malaysia 1999 Hanya Universiti Kebangsaan Malaysia

¹⁰ Lihat Mimbar Sosialis 1972 Kuala Lumpur Ibu Pejabat PSRM

membabitkan penekanan dari segi akhlak dan rohaniah. Fahaman ini berkembang ketika PRM dipimpin Dr Syed Husin Ali dan Dr Sanusi Osman⁷³

Kewujudan ketiga-tiga fahaman dalam PRM menunjukkan bahawa sosialisme tidak statik sebaliknya pragmatik mengikut kesesuaian massa serta kehendak pemimpin.

Dari segi parti politik, perkembangan sosialisme melebar apabila PRM bergabung dengan Parti Buruh Malaya (PBM) pada tahun 1956 membentuk *Malayan People's Socialist Front* (MPSF) atau ringkasnya *Socialist Front* (SF) atas dasar sosialisme sebagai ideologi parti masing-masing. Gabungan ini bertekad untuk memerintah negara melalui kemenangan dalam pilihan raya umum 1959 dengan bertanding di 104 buah kawasan Dewan Rakyat (DR)⁷⁴ dan 116 bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) (Ramlah Adam 1994: 295).

Keputusan pilihan raya tersebut mendapati SF hanya berjaya memenangi 16 buah kawasan DUN iaitu tiga di Selangor, tiga di Negeri Sembilan, tujuh di Pulau Pinang dan tiga di Johor. Bagi DR pula, SF hanya beroleh kejayaan ke atas lapan buah kawasan termasuk Ahmad Boestamam berjaya di kawasan Parlimen Setapak.

Pencapaian rendah dalam pilihanraya tersebut menunjukkan bahawa sosialisme tidak dapat diterima oleh masyarakat tempatan secara holistik dan ini telah membantu perkembangan seterusnya. Hal ini dapat dilihat pada keputusan sembilan pilihan raya umum berikutnya semenjak 1964 hingga 1999 bahawa PRM tidak langsung mencapai sebarang kejayaan.

⁷³ Lihat *Pengantar Politik Malaysia* 1999. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

⁷⁴ Lihat *The Malay Mail*, 14 Mei 1958

5.2 PEMIKIRAN SOSIALISME PENGARANG

Pemikiran sosialisme pengarang yang mengandungi unsur-unsur sisionasionalisme dan sosiodemokrasi menjadi tunjang dalam novel-novel Ahmad Boestamam. Kedua-dua unsur tersebut agak dominan dan digabung-jalin dalam plot novel melalui wacana dan gambaran pengarang terutama terhadap tema dan latar sesebuah karya. Justeru bagi memahami aliran pemikiran sosialisme ini, tafsiran jelas oleh Ahmad Boestamam mengenai sisionasionalisme dan sosiodemokrasi dapat membantu dalam menganalisis teks kajian.

Sisionasionalisme menurut beliau ialah:

Faham kebangsaan (*nationalisme*) atau faham serba kebaikan bangsa yang bersandarkan pada hidup kemasyarakatan. Faham ini menetapkan bahawa syarat untuk melahirkan satu-satu bangsa (*nation*) bukanlah bukanlah persamaan darah atau keturunan melainkan persamaan nasib; persamaan kepentingan dan persamaan sejarah atau dengan lain-lain perkataan persamaan kemahuan untuk menjadi satu bangsa”

Manakala tafsiran sosiodemokrasi pula bermakna:

- i Faham kerakyatan (demokrasi) yang bersandarkan pada kemasyarakatan atau demokrasi yang berlaku dalam lapangan hidup masyarakat – dalam lapangan politik, dalam lapangan ekonomi dan dalam lapangan sosial. Faham ini menghendaki demokrasi politik dan demokrasi ekonomi⁷¹.
- ii Demokrasi politik mengakui hak yang sama bagi tiap-tiap rakyat untuk ikut menentang haluan dan susunan negara⁷².

⁷¹ Lihat Apendiks C hlm. 191-196

⁷² Lihat Apendiks C hlm. 191-196

⁷³ Lihat Apendiks C hlm. 191-196

- ii Demokrasi politik mengakui hak yang sama bagi tiap-tiap rakyat untuk ikut menentang haluan dan susunan negara⁷
- iii Demokrasi ekonomi mengakui hak tiap-tiap rakyat untuk hidup sama-sama makmur atau menikmati kemakmuran negaranya dengan adil⁸

Pengertian sosionasionalisme dan sosiodemokrasi seperti di atas, apabila ditalusi dan diteliti akan cenderung kepada tiga soal asas idea dan program sosialisme sebagaimana yang digariskan oleh Syed Ahmad Husin⁹. Walau bagaimanapun ia tidak lari daripada kepentingan satu kelompok masyarakat yang dinamakan marhaen

Dalam teks "Anggaran Dasar Parti Rakyat"¹⁰ ada menyebut mengenai tafsiran marhaen. Ia diertikan sebagai rakyat jelata, rakyat jembel, rakyat menderita, rakyat miskin dan seumpamanya dalam satu-satu bangsa. Marhaen berbeza dengan proletar. Proletar pula bermaksud orang-orang yang menjualkan tenaganya kepada orang lain dengan tidak ikut memiliki alat-alat penghasilan (Ramlah Adam 1994 :449). Secara jelasnya dasar tersebut memperincikan kategori masyarakat yang tergolong dalam kelompok marhaen iaitu kaum buruh, petani, nelayan, intelektual dan pedagang kecil, termasuk juga golongan proletar sama ada memiliki ataupun tidak mempunyai alat-alat penghasilan.

Berdasarkan penjelasan di atas, dapatlah difahami bahawa marhaen yang dimaksudkan pengarang merangkumi masyarakat miskin dan tertindas dalam sebuah negara bangsa. Ia tidak membataskan sempadan perkauman, leluhur dan kepercayaan dari segi agama.

⁷ Lihat Apendiks C hlm. 191-196

⁸ Lihat Apendiks C hlm. 191-196

⁹ Lihat bab ini hlm. 113

¹⁰ Lihat Apendiks C hlm. 191-196

Manakala maksud sisionasionalisme dan sosiodemokrasi ialah dengan menitit-beratkan persoalan negara bangsa tanpa mengira keturunan dan kepercayaan agama sebaliknya mengambil-kira perhitungan nasib, kepentingan dan sejarah yang sama dengan bersandarkan persoalan-persoalan kemasyarakatan baik dalam aspek politik, sosial dan ekonomi. Justeru setiap rakyat marhaen berhak menentukan hala tuju negara di samping tidak menafikan hak mereka untuk menikmati kemakmuran negara dengan adil

5.3 PEMIKIRAN SOSIALISME DALAM TEKS KAJIAN

Mesej sosialisme agak terserlah di dalam lima buah novel Ahmad Boestamam daripada sepuluh novel yang dikaji. Novel-novel yang dikenal-pasti ialah

- i *Pacar Merah Melayu* (1959)
- ii *Lorong Seribu Liku* (1964)
- iii *Garis Hitam Membelah Langit* (1966)
- iv *Sorong Makan Tarik Makan* (1967)
- v *Malam Tiada Herbintang* (1968)

Kajian mendapati bahawa mesej sosialisme itu disampaikan mengikut tema dan persoalan yang dipaparkan dalam novel-novel tersebut. Kehadiran mesej sosialisme itu dapat dikesan melalui skop persoalan iaitu prinsip dan perjuangan, isu kontemporari, isu parti politik dan gagasan ideologi negara bangsa

Pengarang mengeksplorasikan keempat-empat skop persoalan tersebut ketika menyalurkan mesej sosialisme yang kadang kala tidak begitu ketara kecuali diteliti dan

dikaji secara mendalam khususnya skop persoalan isu kontemporer. Skop persoalan ini lazimnya berbentuk naratif dan kebanyakannya berhubung-kait dengan latar cerita. Ia paling banyak diperkatakan berbanding skop persoalan seperti prinsip dan perjuangan, isu parti politik dan gagasan ideologi negara bangsa kerana ia agak informatif dan komprehensif sifatnya. Berikut disenaraikan keempat-empat skop persoalan tersebut sebelum huraian lengkap mengenainya dibuat.

- i Prinsip dan Perjuangan
- ii Isu Kontemporer
- iii Isu Parti Politik
- iv Gagasan Ideologi Negara Bangsa

5.3.1. Skop Persoalan Prinsip dan Perjuangan

Dalam skop persoalan ini, pengarang sering membicarakan tentang prinsip dan perjuangannya dalam arena politik tanah air khususnya era pra-merdeka. Prinsip politiknya jelas dan nyata ke arah pemikiran sosialisme. Walaupun pemikiran ini disalurkan menerusi watak protagonis dan antagonis tetapi mesyajnya terang ke arah dasar sosialisme. Bagi melihat kehadiran mesej tersebut, analisis dipecahkan kepada tiga komponen iaitu:

5.3.1.1 Sosionasionalisme dan Sosiodemokrasi

Dalam mengetengahkan prinsip dasar sosialisme yang berunsur sosionasionalisme dan sosiodemokrasi pengarang menyampaikan mesej dalam banyak cara. Umpamanya,

melalui dialog yang langsung menjurus kepada pendedahan mesej tanpa berselindung. Lihat petikan dialog di bawah ini sebagai contoh:

“Pemerintahan yang bagaimakah yang engkau suka?”
“Pemerintahan yang berdasarkan kedaulatan rakyat – pemerintahan cara demokrasi.”
“Demokrasi cara penjajahan dahulu?”
“Tidak! Demokrasi yang tidak bertuhankan kaum modal.”
“Cara Soviet Russia?”
“Ya! Tetapi mesti mengikut yang bersesuaian dengan kedudukan dan keadaan negeri ini. Sudah tentu kita di Malaya ini tidak akan mendapat memasukkan segala sesuatu yang berbau Russia, tetapi garis besarnya serupa seperti sosialisme. Hanya sosialis dunia yang boleh menjamin keadilan, kebenaran dan kemakmuran di seluruh dunia.” (*Pacar Merah Malaya* 1959: 51-52)

Nyata sekali melalui watak Rustam, pemikiran sosialisme diutarakan kepada pegawai tentera Jepun – Somobucoo ketika sesi penyiasatan sedang dijalankan oleh askar Jepun terhadap Rustam. Pengarang menolak demokrasi yang didakwanya hanya bertuhankan kaum modal atau dalam istilah sains politik; kapitalis.

Kapitalisme bagi pengarang cuma mementingkan golongan elit dan golongan bangsawan sebaliknya sanggup menindas rakyat marhaen semata-mata untuk merebut kekuasaan demi memiliki sumber ekonomi negara. Pengarang lebih yakin terhadap sosialisme anutan Soviet Russia yang katanya dapat memberikan keadilan, kebenaran dan kemakmuran dunia¹¹. Namun dalam konteks Malaya menurut pengarang, sosialisme Soviet Russia tidak wajar diceduk secara pukal tetapi perlu disesuaikan dengan kehendak dan kepentingan rakyat Malaya.

¹¹ Sebenarnya kenyataan ini tidak relevan lagi sekarang kerana Soviet Union telah musnah dan wilayah keanggotaannya berpecah menjadi negara-negara kecil seperti Ukraine, Republik Chechnya dan Bosnia. Manakala sosialisme ala Russia seperti impian pengarang sudah runtuh di wilayah tersebut.

Pengubah-suaian sosialisme Soviet Russia ini dapat hubung-kaitkan dengan fahaman marhaenisme yang menjadi anutan PRM (1955-1969) ketika Ahmad Boestamam sebagai pemimpinnya. Sosialisme Soviet Russia yang diubah-suai itu dikenali sebagai sisionasionalismc dan sosiodemokrasi yang berlandaskan perjuangan Sukarno.

5.3.1.2 Anti-kapitalisme

Satu lagi contoh mesej sosialisme dalam konteks prinsip dan perjuangan ialah anti-kapitalisme seperti dinyatakan secara langsung melalui perbualan Aziz dengan Wahid yang menceritakan mengenai prinsip dan perjuangan Rusman - seorang tahanan ISA. Katanya: "Perjuangan politiknya selamanya perjuangan politik yang membela rakyat jelata, yang memihak kepada rakyat jelata, yang anti-penjajahan dan anti-penindasan." (*Malam Tiada Berbintang* 1968: 55)

Rusman digambarkan sebagai seorang pejuang politik. Beliau penentang penjajah dan penindasan. Seorang pembela rakyat jelata atau marhaen dan anti kepada kapitalisme. Idea sosialisme dalam petikan dialog itu dapat dikenal-pasti kerana penentangannya terhadap kapitalisme - sosialisme lawannya kapitalisme! Apatah lagi sosialisme berhubung-kait dengan rakyat jelata sebagai asas perjuangan.

5.3.1.3 Sosialis Tulen

Manakala dalam novel *Sorong Makan Tarik Makan* (1966: 4) prinsip pengarang yang berpegang kepada sosialisme jelas dinyatakan melalui antagonis Lam Pang Sai (seorang wartawan) ketika berbual dengan Rusman (bekas tahanan politik). Petikan dialognya begini:

“Saya benci pada Mussolini,” katanya, “kerana dia seorang fasis sedang saya seorang sosialis.”
“Tapi Mussolini juga seorang nasionalis, “ Rusman menghujah. “Apakah saudara bencikan nasionalisme?”
“Memang saya bencikan nasionalisme.” Dia menjawab cepat dan tepat dengan tak payah berfikir-fikir lagi.
“Kenapa begitu?” Rusman bertanya pula.
“Kerana nasionalisme sekarang sudah diperalat dan diperkuda oleh kapitalisme.” Dia menerangkan.

Pengarang menggunakan watak antagonis untuk menyatakan bahawa dia seorang sosialis.. Ini dapat dilihat antagonis Lam Pang Sai dieksplotasikan seperti dalam petikan di atas. Sebaliknya dalam novel yang sama, watak protagonis, Rusman turut menegaskan pendirian pengarang bersabit dengan sosialisme. Melalui Rusman pengarang menyatakan pendiriannya: “Tidak. Saya bukan seorang komunis. Saya seorang nasionalis, seorang sosialis, seorang anti imperialis.” (*Sorong Makan Tarik Makan* 1966: 23)

Justeru dalam menjelaskan prinsip perjuangan, pengarang bertegas mengatakan beliau adalah seorang sosialis. Ini bermakna komitmen pengarang terhadap sosialisme begitu teguh sekali, sukar digugat dan diprovokasi meskipun para wartawan yang menemuduganya selepas dibebaskan daripada tahanan ISA mendakwanya sebagai seorang komunis.

5.3.2 Skop Persoalan Isu Kontemporari

Isu kontemporari ditonjolkan merangkumi pelbagai perkara; penindasan, ketidak-adilan, moral dan rokok. Pengarang membangkitkan kesemua perkara tersebut dengan seboleh mungkin mengaitkannya dengan mesej sosialisme. Kajian mendapati pengarang cuba mengaplikasikan dasar sosialisme untuk menyelesaikan masalah dan isu tersebut.

Pengkaji melihat bahawa skop persoalan mengenai isu kontemporari ini dikesan terhadap empat perkara yang dijadikan polimek dan perbincangan watak. Pengarang mengangkat isu-isu seperti penindasan, ketidak-adilan, moral dan rokok sebagai pokok persoalan dalam menyelitkan mesej sosialisme secara spontan dan implisit sifatnya.

5.3.2.1. Penindasan

Sosialisme sinonim dengan perjuangan terhadap penindasan. Orang yang tertindas mendapat perhatian utama oleh sosialis walaupun pada hakikatnya individu atau kumpulan yang dibela itu pernah menentangnya dalam pelbagai aspek khususnya perjuangan politik tempatan.

Mesej sosialisme diutarakan melalui kritikan akibat penindasan yang berlaku hadapan pengarang. Dalam *Lorong Seribu Liku* (1964), kritikan pedas terhadap Inggeris yang memberhentikan anggota polis khas (*Special Constable-SC*) sewaktu zaman darurat hendak ditamatkan, mendapat perhatian pengarang menerusi watak Azni.

Azni selamanya tinggal di kampung yang mengusahakan kebun getah seluas lima ekar, dusun dua ekar dan sawah padi peninggalan harta pusaka orang tuanya. Dia berkawan baik dengan rakan sekampungnya, Kamsani yang bekerja sebagai wartawan di Kuala Lumpur. Ketika malam pernikahan Kamsani di kampungnya, Azni sempat berbual dengan Kamsani dan mempersoalkan kenapa anggota SC itu tidak diberikan ganjaran atau pampasan setelah sekian lama mereka memberikan perkhidmatan kepada Kerajaan British (BMA). Dia mempertikai:

Polis khas engkau tahu? dia meneruskan kata-katanya, bukan mempertahankan tiap inci bumi tanah airnya dari dirampas oleh penjajah melainkan mempertahankan kebun-kebun getah dan lombong-lombong yang dipunyai oleh kaum-kaum modal asing atau bukan anak negeri. Mempertahankan tanah airkah namanya itu? Cintakan tanah airkah namanya itu? (*Lorong Seribu Liku* 1964: 31)

Dan lihatlah sekarang, dia meneruskan kata-katanya itu. Berapa banyak polis itu yang sudah dilepaskan kerjanya, diberhentikan, kerana tenaga mereka tidak diperlukan lagi sebab darurat sudah jauh kendurnya, sudah dekat mahu tamat. Bagaimanakah keadaan mereka itu? Senang? Mewah? Tidak! Susah, menderita dan menganggur. Itulah keadaan kebanyakan mereka sebenarnya. Habis manis sebah dibuang. Bunga dipetik perdu ditentang (*Lorong Seribu Liku* 1964:32)

Azni yakin bahawa anggota SC telah ditindas oleh pemerintah British kerana fenomena itu sedang berlaku terhadap orang kampungnya sendiri (Rubi Hayat 1968: 30) . Bagi Azni, sikap tidak bertanggungjawab ini tidak sepatutnya terjadi kerana mereka (SC) telah memberikan sumbangan ekonomi kepada British – menjaga kebun getah dan tanah lombong!

5.3.2.2 Ketidak-adilan

Selain isu penindasan, ketidak-adilan dalam kutipan cukai di kalangan orang kota dengan orang kampung turut dibangkitkan di dalam novel *Lorong Seribu Liku* (1964: 69). Pertikaian pendapat berlaku di antara Kamsani dengan Azni. Kamsani membela Kerajaan sebaliknya Azni di pihak pembangkang. Misalnya Azni berujah:

Penghidupan orang-orang kampung lebih menderita daripada penghidupan orang-orang kota. Azni cuba meningkah, bukanlah kerana mereka membayar cukai lebih berat daripada cukai yang dibayar oleh orang di kota tetapi kerana dari semenjak zaman penjajahan Inggeris dulu lagi mereka telah dianak-tirikan – dilayan oleh pemerintahnya sebagai anak tiri. Dengan lain perkataan penghidupan mereka telah terbiar saja dan tidak diendahkan, tidak sebagaimana penghidupan orang-orang kota.

Dalam petikan itu, Azni mempertikaikan tentang wujudnya ketidak-adilan terhadap masyarakat. Isu begini memang digemari oleh golongan sosialis dan dijadikan polimek bagi membangkitkan kebencian massa terhadap sistem demokrasi kapitalis. Persoalan ini dilanjutkan dengan ujah Kamsani yang mengatakan bahawa Kerajaan telah “membayar” ketidak-adilan yang dilakukan oleh penjajah Inggeris dalam isu manganak-tirikan orang kampung. Ujah Kamsani:

Dulu orang-orang kampung terbiar dan dianak-tirikan, kataku. Tetapi sekarang, setelah penjajahan sudah tidak ada lagi ini, perhatian yang sewajarnya sudah mulai diberikan kepada orang-orang kampung itu. Bukankah sekarang kerajaan sedang giat menjalankan rancangan pembangunan luar bandar untuk memerangi kemiskinan di kalangan rakyat luar bandar atau di kampung-kampung dalam negeri ini? (*Lorong Seribu Liku* 1964: 69)

Meskipun hujah yang diberikan Kamsani berasas tetapi dengan mudah dapat dipatahkan oleh Azni:

Cuma yang meragukan aku kenapa masih dapat kita ikuti dalam surat khabar, malah setiap hari, tentang rakyat di sana-sini bersungut disebabkan rayuan mereka meminta tanah sudah bertahun-tahun lamanya masih belum tentu hujung pangkalnya. Setengahnya pula sampai merancangkan piket dan perarakan. Ya, kalau rakyat benar telah diberi tanah mengapakah mereka masih bersungut juga? (*Lorong Seribu Liku* 1964: 71)

Dalam perdebatan Kamsani-Azni mengenai isu ketidak-adilan, pengarang tetap memenangkan Azni yang digambarkan sebagai mewakili golongan sosialis. Ini menunjukkan bahawa pengarang secara tidak langsung berjaya menyalurkan mesej sosialisme kepada pembaca dengan mempamerkan kelemahan dan ketidak-adilan dalam sistem pentadbiran kerajaan terutama dalam soal pembahagian tanah rancangan luar bandar.

5.3.2.3 Moral

Kemerosotan moral masyarakat Melayu turut menjadi perhatian pengarang. Dengan mengambil latar di Pasar Minggu Kampong Baru, Kuala Lumpur, pengarang berpendapat bahawa kemerosotan moral masyarakat Melayu kian meruncing dengan menjadikan keadaan yang berlaku di Pasar Minggu itu sebagai *sample andaian*. Contohnya dalam *Sorong Makan Tarik Makan* (1966: 80) melalui perbualan Rusman – Lam Pang Sai ketika berbelanja di pasar tersebut. Kata Rusman:

Kalau wanita sanggup memakai pakaian yang terlalu mendedahkan, seluar ketat yang mengukirkan bentuk benda hikmat di badan yang harus dirahsiakan dan kalau dara dan teruna seronok bergesel-gesel di depan khalayak ramai apakah itu tidak tandanya moral sudah merosot?

Lantas Lam Pang Sai bulat-bulat menyalahkan kapitalisme yang mengakibatkan berlakunya kemerosotan moral. Dia beranggapan bahawa dasar kapitalisme mengajar rakyat bertindak demikian kerana didorong oleh sogukan kebendaan. Hujahnya:

Selama kapitalisme masih berkuasa, masih memegang peranan penting dalam hidup sesuatu masyarakat kemerosotan moral ini tidak akan dapat dicegah malah akan berlanjutan, menghebat dan memburuk. Percayalah! (*Sorong Makan Tarik Makan* 1966 : 80)

Hujah Lam Pang Sai itu dipersetujui oleh Rusman seraya mencadangkan agar kapitalisme dihapuskan sama sekali. Pengarang walaupun tidak mengusulkan sosialisme mampu membendung kemerosotan moral di kalangan masyarakat tetapi hakikat yang tersirat, sosialisme adalah yang terbaik mengantikan kapitalisme! Inilah mesaj pengarang – sosialis wajar diberi peluang dan ruang menguruskan negara.

5.3.2.4 Rokok

Pengarang tidak hanya menonjolkan isu besar tetapi yang kecil juga turut dibabit sama. Misalnya isu rokok dijadikan modal untuk mencemar dasar kapitalisme. Dalam *Sorong Makan Tarik Makan* (1966: 29), Lam Pang Sai menempelak dasar kapitalisme; “Rokok adalah ciptaan kapitalis untuk menggula-gula dan kemudian memabuk serta mengkhayalkan rakyat. Saya tidak mahu tersungkur kepala dan diperdayakan oleh kapitalis.”

Jelas sekali pengarang mempertikaikan dasar kapitalisme yang hanya tahu mengaut keuntungan sebaliknya tidak mengendahkan kesihatan rakyat. Secara halus pengarang nendedahkan keburukan dasar kapitalisme yang boleh menimbulkan perasaan benci di kalangan khalayak pembaca terhadap kapitalisme. Apabila perasaan benci bersarang, nasyarakat akan menolak dasar kapitalisme dalam pada itu akan memberi peluang sosialisme bertapak. Inilah mesej yang mahu disampaikan pengarang kepada khalayak pembaca.

5.3.3 Skop Persoalan Isu Parti Politik

Dalam membahaskan isu-isu parti politik, pengarang tidak terlepas daripada menonjolkan mesej sosialisme sebagai ideologi yang terbaik berbanding dengan aliran politik lainnya. Pengarang sengaja menyelitkan mesej tersebut ke dalam plot novelnya supaya diketahui pembaca. Khalayak sasaran adakalanya disogok bulat-bulat dengan mesej tersebut secara bombastik sekaligus mengkesampingkan nilai-nilai estetika yang menjadi pra-syarat sesebuah karya cereka itu. Pengarang bertindak demikian bertujuan agar pembaca dapat memahami mesej yang ingin diutarakan.

Kajian mendapati mesej dilakarkan secara informatif dan komprehensif sifatnya dapat dipecahkan kepada dua motif utama iaitu:-

i Mengangkat martabat parti berbau sosialisme

ii Mencemar reputasi parti lawan.

5.3.3.1 Mengangkat Martabat Parti Sosialis

Dalam usaha pengarang mengetengahkan pemikiran sosialisme, cara yang digunakan ialah dengan mengangkat martabat parti berbau sosialisme di dalam novel-novelnya. Pengaruh parti berbau sosialisme digambarkan seolah-olah kuat dan digeruni oleh pihak lawan. Contohnya dapat dilihat berdasarkan petikan dialog dalam *Garis Hitam Membelah Langit* (1966 : 17-18) di antara Shamlan dengan Nurdin:

“Jumlah pengundi semuanya, tuan” Shamlan menjawab, menurut angka kasarnya kira-kira 10,000 orang. Kira-kira 6,000 orang pengundi Melayu. Kira-kira 3,500 orang pengundi Tionghua. Kira-kira 500 orang saja pengundi India. Pengundi lain tidak ada.”

“Kalau begitu undi Melayulah yang ramai.”

“Begitulah, tuan.”

Nurdin termenung sebentar. “Apakah Parti Sosialis tidak ada bertapak di sini Cik Shamlan?” dia kemudian bertanya.

“Setakat ini, setahu saya, belum ada, tuan. Pendeknya belum ada sambutanlah.”

“Kalau begitu bagus benarlah. Ertinya peluang kita menang memang cerah benar nampaknya pada saya.....”

Nurdin yakin partinya, Parti Demokrat akan berjaya menawan kerusi pilihan raya kerana cawangan Parti Sosialis tidak wujud di kawasan itu. Hakikatnya jelas bahawa Parti Demokrat pimpinan Nurdin digambarkan sebagai “takut” berdepan dengan Parti Sosialis. Ini menunjukkan betapa pengarang seolah-olah ingin mengangkat martabat Parti Sosialis berada pada tahap yang tinggi berbanding Parti Demokrat sehingga ia digeruni. Perlukisan

informatif yang dilakukan pengarang memperlihatkan mesej sosialisme disalurkan melalui susunan fakta dan boleh ubah serta mempunyai makna yang tersirat.

5.3.3.2 Mencemar Reputasi Parti Lawan

Demikian juga halnya dalam novel yang sama, pengarang memberikan gambaran buruk terhadap wakil rakyat Parti Demokrat bernama Zamri. Yang Berhormat (Y.B) ini setelah memenangi kerusi pilihan raya berubah laku – curang kepada isteri, suka berpoya-poya, pemabuk dan meninggalkan tanggungjawab terhadap keluarga.

Pengarang mempunyai agenda tersirat apabila menempelkan imej buruk kepada Zamri sekaligus bertujuan mencemarkan reputasi Parti Demokrat iaitu seteru Parti Sosialis. Ini kerana Parti Demokrat menganut kapitalisme yang bertentangan dengan Parti Sosialis yang beridealogikan sosialisme. Bukti, ketika berkempen bagi memenangkan Zamri dalam pilihan raya, ucapan Nurdin menyentuh tentang dasar parti. Selaku Setiausaha Agung Parti Demokrat, Nurdin berhak menerangkan dasar partinya kepada pengundi. Dalam ucapan inilah Nurdin mendedahkan bahawa Parti Demokrat mempraktiskan konsep kapitalisme dalam urusan parti. Antara lain Nurdin mencerangkan: “Kita tidak bermaksud sama sekali hendak melenyapkan orang-orang kaya sebaliknya kita mahu mengekalkan adanya mereka itu. Bahkan kalau boleh kita akan berusaha membanyakkan lagi jumlah mereka itu sehingga melebihi jumlah sekarang ini.” (*Garis Hitam Membelah Langit* 1966 : 142)

Ucapan Nurdin itu jelas membuktikan bahawa Parti Demokrat menganut kapitalisme.

Malahan, dalam pada itu, Nurdin membidas Parti Sosialis walaupun parti tersebut tidak bertanding. Bidasannya;

Biarlah saya tegaskan di sini bahawa pendapat lawan-lawan kita tadi itu bukan saja salah dari segi sifatnya merupakan perampukan dan penyamunan... bahkan salah juga dari segi tidak mungkin ia melahirkan kemakmuran negara melainkan sebaliknya melahirkan kemiskinan dan kepapaan negara (*Garis Hitam Membelah Langit* 1966 : 143)

Dasar Parti Demokrat bertentangan dengan Parti Sosialis (Nurdin namakan sebagai lawan-lawan kita) dan menempelak dasar sosialisme jika sekiranya dipraktis, orang kaya (kapitalis) akan terhapus. Hartanya dirampas dan mereka jatuh miskin. Ini akan menambah bilangan orang miskin dan negara menjadi miskin papa kedana kerana kebanyakannya miskin. Nurdin berhujah dengan logik akal yang mampu difahami para pengundi berpendidikan rendah. Oleh kerana itu calon Parti Demokrat – Zamri menang dalam pilihan raya tersebut. Persoalannya, kenapa pengarang membiarkan Nurdin “menghentam” dasar sosialisme sedangkan tiada sebarang parti berbau sosialis bertanding dalam pilihan raya berkenaan?

Pengarang sengaja berbuat demikian. Dia tidak membenarkan pihak sosialis membala hujah Nurdin apatah lagi mereka tiada *platform* untuk berdebat. Pengarang sengaja membiarkan pihak sosialis dipukul habis-habisan oleh fanatik kapitalisme tetapi kebijaksanaan terserlah di akhir cerita dengan menampilkan Y.B Zamri terpaksa mengosongkan kerusi yang dimenanginya kerana berperangai buruk.

Secara tidak langsung pembaca dapat menilai kebaikan dasar sosialisme dan keburukan dasar kapitalisme. Mesej yang terkandung di dalam *Garis Hitam Membelah Langit* (1966) bahawa kapitalisme yang mengutamakan kebendaan, tidak kekal lama. Malahan apabila seseorang itu disogokkan dengan kebendaan dan kekuasaan, ia menjadi rakus, tamak dan lupa diri – sifat Zamri setelah bergelar Y.B dijadikan simbol keburukan dasar kapitalisme lalu kerusi kepunyaan Zamri itu berjaya direbut oleh Parti Islam melalui calon konservatifnya, Lebai Hassan.

Gambaran komprehensif terhadap keburukan Parti Demokrat adalah contoh agenda mencemar reputasi parti lawan. Pengarang terpaksa meletakkan Parti Islam dalam suasana kemenangan walaupun dikatakan parti itu memperalatkan agama untuk kepentingan politik semata-mata menggambarkan bahawa Parti Demokrat sebuah parti politik yang lemah, tidak berwibawa dan kalah di tangan parti kecil – Parti Islam. Seolah-olah digambarkan Parti Demokrat tidak setanding dengan Parti Sosialis!

5.3.4 Skop Persoalan Gagasan Ideologi Negara Bangsa

Pemikiran sosialisme yang dikemukakan pengarang di dalam novel-novelnya mencakupi saranan mengenai ideologi negara bangsa. Bagi pengarang, Tanah Melayu (Malaya) yang sedang menuju gerbang kemerdekaan tidak harus mengikut rentak ideologi penjajah Inggeris yang mengamalkan dasar kapitalisme yang menindas rakyat.

Pemerintahan bercorak *divide and rule* oleh penjajah Inggeris telah mewujudkan masyarakat majmuk di Malaya berpecah mengikut sektor ekonomi tertentu. Jurang kemiskinan di kalangan rakyat agak luas boleh menyebabkan yang miskin akan selamanya tertinggal dari segi pemilikan ekonomi, sebaliknya yang kaya akan bertambah kaya sehingga memonopoli sesuatu perusahaan bertaraf kebangsaan seperti ladang-ladang getah (Ibrahim Hj Yaakob 1975: 15-16)

Pola masyarakat yang terpisah berdasarkan ras serta agihan kek ekonomi yang tidak adil serta berlaku diskriminasi terhadap golongan marhaen menyebabkan pengarang begitu yakin bahawa sistem ekonomi kapitalis tempang dan tidak sesuai diamalkan di negaranya. Ketempangan ini harus dibaiki sebelum ia menjadi parah kerana merugikan generasi akan datang (Abdul Rahman Abdullah 1998 : 246).

Justeru pengarang sebagai pejuang politik mengusulkan corak pemerintahan sosialisme⁴² bagi mengantikan kapitalisme yang masih kekal diamalkan oleh penjajah dan akan diteruskan apabila Malaya merdeka daripada Inggeris. Pengarang mahukan satu corak pemerintahan yang dapat memelihara kepentingan dan menjunjung hak rakyat jelata (Syed Ahmad Husin 1994: 115) bukan meneruskan sistem yang menindas golongan miskin seperti yang menjadi amalan penjajah.

Dalam mengetengahkan mesej sosialisme melalui saranan kepada corak pemerintahan yang baru, pengarang menekankan tiga aspek penting yang wajar diberikan

⁴² Pengarang memerlukan sosialisme praktikal iaitu cuma istilah yang diperkenalkan oleh pengarang sebaiknya konsepnya adalah sama. Menurut pengarang, sosialisme praktikal ialah sosialisme yang disesuaikan dengan keadaan setiap negara - kedudukan politik, sosial dan ekonominya (Norong Idris Tahir Makar 1966: 58).

keutamaan dalam membentuk corak pemerintahan. Cadangan yang dikemukakan pengarang mnerusi skop persoalan gagasan ideologi negara bangsa meliputi tiga aspek seperti berikut:

- i Sistem Ekonomi
- ii Bahasa Rasmi dan Bahasa Kebangsaan
- iii Identiti Negara Bangsa

5.3.4.1. Sistem Ekonomi

. Sistem ekonomi yang mapan dan utuh dapat menjana kemajuan negara. Justeru pengarang dalam saranannya menekankan bahawa sistem ekonomi yang diperkenal dan menjadi amalan penjajah tidak sesuai dengan senario masyarakat majmuk di Malaya. Berikutan itu dalam novel *Sorong Makan Tarik Makan* (1966) Rusman memberi contoh dasar sosialisme dari aspek sistem ekonomi yang menitik-beratkan reformasi dalam sektor pertanian di samping memperkenalkan sektor baru iaitu perindustrian. Misalnya: “Kita tahu negeri kita ini sekarang masih merupakan negara agraria – negara pertanian. Jadi bagi kita reformasi agraria perlu diperjuangkan di samping bekerja keras menggerakkan negara menuju industrialisasi. Itulah satu contohnya.” (1966: 48)

Dasar sosialisme menggalakkan kemajuan di bidang pertanian dengan melakukan transformasi serta mengamalkan kaedah baru seperti penggunaan jentera bagi mengurangkan tenaga buruh di samping meningkatkan pengeluaran; mengurangkan kos sebaliknya produktiviti dipertingkatkan; memberi tunjuk ajar, merangsang dan mengalakkan para petani

supaya mengamalkan kaedah pertanian moden. Gagasan dari aspek ekonomi ini diperjelaskan dengan contoh lain. Kata Rusman lagi: "...di negara-negara pertanian misalnya sosialisme parktitik menitik-beratkan soal-soal pertanian di samping bergerak cergas meningkatkan negara dari negara pertanian menjadi negara perusahaan" (*Sorong Makan Tarik Makan* 1966: 58)

Walaupun Malaya dianggap sebagai negara pertanian tetapi sektor industri mesti dibangunkan serentak. Negara tidak boleh bergantung hanya kepada sektor pertanian kerana sektor industri menyumbang lebih banyak hasil pendapatan perkapita negara serta mampu menyediakan peluang-peluang perkerjaan kepada rakyat atau golongan mancan untuk menampung hidup.

Dalam konteks hasil negara, pengarang mengistilahkannya sebagai "rezeki" yang perlu dijaga dengan baik - diajih kepada rakyat jelata dengan adil dan saksama oleh negara. Negara (pemimpin) disifatkan pengarang sebagai pemegang amanah. Selaku pemegang amanah, negara (pemimpin) bertanggungjawab menguruskan rezeki (hasil negara) kepada rakyat dengan adil, bebas daripada diskriminasi dan monopolii. Terangnya:

...sosialisme menuntut pembahagian rezeki yang adil dan diatur oleh negara sebagai sifatnya pemegang amanah atas segala kekayaan yang ada di dalam negara itu. Dan basis (asas) dari pembahagian rezeki yang adil ini ialah: beri pada seseorang itu mengikut keperluannya dan ambil dari seseorang itu mengikut kemampuannya. Sosialisme menentang kesewenangan individu dan sebaliknya menyarankan perencanaan bersama atau perencanaan negara. (*Sorong Makan Tarik Makan* 1966: 59)

Pembahagian yang adil berdasarkan amalan sosialisme – “beri pada seseorang itu mengikut keperluannya dan ambil dari seseorang itu mengikut kemampuannya” – telah disalah anggap oleh sesetengah pihak yang menafsirkan bahawa dasar sosialisme ialah memilik negaraikan kepunyaan awam. Pendapat ini telah disanggah pengarang dengan mengatakan bahawa sosialisme yang sebenarnya telah disalahkan oleh ikatan dogma, oleh kekolotan tafsiran. Jadi sosialisme praktikal menolak segala bentuk ikatan dogma dan kekolotan tafsiran (1966: 58)

Umumnya pengarang mengusulkan Malaya menolak amalan kapitalisme yang diperkenalkan oleh penajah Inggeris sebaliknya mengesyorkan supaya dasar sosialisme diterima sebagai ideologi negara.

5.3.4.2 Bahasa Rasmi dan Bahasa Kebangsaan

Pengarang tidak hanya membicarakan mengenai ekonomi bahkan menyarankan Malaya menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Ini dapat dilihat dalam petikan dialog di bawah ini:

“Kita berpendapat negeri ini harus mempunyai satu sahaja bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan.” Rusman menjawab segera.
“Apakah bahasa itu? Bahasa Inggeris?” Lam Pang Sai bertanya lagi.
“Tidak. Bahasa Melayu.” (*Sorong Makan Tarik Makan* 1966: 60)

Rusman memilih bahasa Melayu kerana Malaya adalah sebuah negara Melayu dan termasuk dalam Gugusan Kepulauan Melayu (1966:61) malahan banyak sebab lain

dikemukakan bagi menyokong hujah. Antaranya, dia mengatakan bahasa Melayu diketahui di mana-mana sahaja di seluruh Malaya. Walau bagaimanapun, Rusman berpendapat pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan Malaya tidak wajar diperdebatkan secara menyaluruh kerana khuatir mengundang pergaduhan kaum. Sensiviti kaum harus dijaga dan Rusman menyedarinya hal ini. Katanya:

Bagaimana pun saya tidak mahu soal bahasa ini terlalu dititik-beratkan. Terlalu menitik-beratkannya bererti mengapi-apikan perasaan perkauman dan ini hanya akan memperdalam lagi jurang perpecahan di kalangan rakyat negeri ini. Ini tidak baik dan tidak akan menguntungkan kita. Hanya penjajah saja yang sukakan itu. Hanya penjajah saja yang sukakan adanya perpecahan di kalangan rakyat sesuatu bangsa sebab berpecahan itu bererti terbukanya peluang baginya untuk menangguk di air keruh (*Sorong Makan Tarik Makan* 1966: 62)

Namun, Rusman masih menerima pengajaran dan amalan menggunakan bahasa lain selain bahasa Melayu. Menurutnya semua bahasa boleh dipelajari sebagai bahasa pengetahuan kerana seseorang yang mengetahui banyak bahasa adalah menguntungkannya (*Sorong Makan Tarik Makan* 1966: 60-61):

Saya tidak pernah mengatakan hendak menindas dan menekan bahasa-bahasa lain – bahasa Inggeris atau bahasa Tionghua atau bahasa Tamil atau bahasa lain – malah saya menganjurkan supaya kalau boleh kita mempelajari sebanyak-banyak bahasa demi menambah ilmu pengetahuan

Impian pengarang, Malaya perlu memiliki bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan yang satu tetapi di waktu yang sama pula bahasa-bahasa lain selain bahasa Melayu harus dipelajari oleh masyarakat majmuk demi kemajuan ilmu pengetahuan.

5.3.4.3 Identiti Negara Bangsa

Bagi membentuk satu masyarakat bersatu padu, Malaya yang berdaulat dan bertamadun perlu memiliki satu identiti atau jati diri bangsa sebagai pengenalan kepada dunia luar. Dalam hal ini pengarang menghuraikan komposisi rakyat Malaya melalui watak Nurdin dalam *Garis Hitam Membelah Langit* (1966:141). Huraian Nurdin begini:

Siapa rakyat negeri ini? Orang Melayu saja? Tidak. Orang Tionghua saja? Tidak. Orang India saja? Juga tidak. Rakyat di negeri ini terdiri dari berbagai-bagai kaum – orang-orang Melayu, orang-orang Tionghua, orang-orang India dan lain-lain. Mereka bersatu yang merupakan rakyat negeri ini...

Kajian mendapati bahawa pengarang cukup prihatin terhadap polarisasi kaum kerana Malaya merupakan sebuah negara berbilang bangsa, agama dan budaya perlu berganding bahu bagi membentuk satu masyarakat yang bersatu padu demi kemajuan dan kemakmuran rakyat jelata (*Garis Hitam Membelah Langit* 1966:56-57). Dalam konteks ini, Nurdin menjelaskan keprihatinan pengarang berhubung polarisasi kaum. Menurutnya:

... memperjuangkan nasib orang-orang Melayu semata-mata bererti membelakangkan nasib orang-orang Tionghua, orang-orang India dan lain-lain. Menganak-kandungkan orang-orang Melayu semata bererti menganak-tirikan orang-orang Tionghua dan India. Dan apakah akibat dari dasar yang demikian ini? Sudah tentu saja persinggitan kaum, persinggitan di antara orang-orang Melayu dengan orang-orang Tionghua dan India, yang kalau kurang-kurang awas boleh menimbulkan permusuhan dan pertengahan kaum (*Garis Hitam Membelah Langit* 1966: 144)

Justeru isu sensitif seperti perkauman dan chauvinisme perlu dihindarkan melalui perkenalan dasar awam yang dapat diterima oleh pelbagai lapisan masyarakat. Bagi

mengelakkan berlakunya pergaduhan kaum, pengarang memperkenalkan satu identiti negara bangsa (*nation*) yang melambangkan citra Malayan dan diistilahkannya sebagai “bangsa Malaya” yang sesuai dengan dasar sosialisme – tidak bersifat perkauman. Ketika menjelaskan mengenai “bangsa Malaya”, Nurdin dalam *Garis Hitam Membelah Langit* (1966 :142) menerangkan bahawa adalah menjadi keyakinannya, persahabatan dan baik sangka di antara kaum-kaum yang mendiami negeri ini boleh akhirnya melahirkan suatu bangsa Malaya yang bersatu, suatu bangsa negara yang penting ada pada sesebuah negeri yang merdeka.

Selanjutnya Nurdin berharap agar bangsa Malaya dapat memberikan manfaat kepada Malaya merdeka. Dia berharap suatu bangsa Malaya yang bersatu dan damai akan dapat dengan pastinya mengusahakan dan melahirkan kemakmuran negara (1966: 142). Nyata sekali mesaj sosialisme diterapkan melalui saranan pengarang di dalam skop persoalan gagasan identiti negara bangsa. Sifat sosialisme yang *multi-racial* memudahkan pengarang memperkenalkan satu rupa bangsa yang mengandungi bangsa majoriti di Malaya – Melayu, Cina dan India disatukan menjadi bangsa Malaya.

5.4 KESIMPULAN

Aspek sosialisme merupakan komponen ketiga dan terakhir dalam skop pemikiran politik yang terdapat di dalam novel-novel Ahmad Boestamam. Aspek ini dikesan dalam lima buah novel beliau yang disalurkan menerusi watak-watak protagonis dan antagonis. Secara

umumnya, watak-watak yang dipilih adalah relevan dengan isu yang diketengahkan kerana mereka merupakan penglibat politik yang tahu tentang rentak dan ragam persoalan yang diketengahkan pengarang.

Kajian mendapati dalam skop persoalan prinsip dan perjuangan, pengarang mengetengahkan tafsiran sisionasionalisme, sosiodemokrasi, anti kapitalisme dan identiti pengarang sebagai sosialis tulen. Manakala dalam skop persoalan isu kontemporari pula, pengarang membincarkan isu-isu topikal seperti penindasan, ketidak-adilan, moral dan rokok.

Malahan pengarang tidak ketinggalan juga membincangkan skop persoalan isu parti politik dengan mengangkat martabat parti berbau sosialisme di samping mendedahkan agenda mencemar parti lawan.²² Pendedahan ini semata-mata untuk membentuk minda pembaca agar melihat bahawa dasar sosialisme itu sebagai sesuai dengan iklim politik di Malaya.

Akhir sekali melalui skop persoalan gagasan ideologi negara bangsa, pengarang membenarkan imej tinggi terhadap amalan sosialisme dengan mengutarkan tiga saranan atau cadangan dari segi sistem ekonomi bagi menggantikan amalan kapitalisme tinggalan penjajah British, menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan kebangsaan Malaya merdeka serta menyarankan supaya mewujudkan satu rupa bentuk bangsa yang dinamakan sebagai "bangsa Malaya".

²² Malah untuk sebuah parti politik yang mempromosikan parti rasminya

Mesej sosialisme diketengahkan dengan cara informatif, komprehensif dan implisit sifatnya sehingga menghilangkan nilai-nilai estetika yang sepatutnya dititik-beratkan dalam sebarang penciptaan karya cereka seperti genre novel. Namun demikian, pengarang terpaksa menggunakan fakta, scenario dan realiti yang terkandung dalam iklim politik, sosial dan ekonomi Malaya pada masa sebelum atau semasa novel itu dihasilkan kerana untuk menimbulkan impak kepada pembaca. Hal ini wajar dilakukan supaya pembaca dapat mengetahui senario sosio-politik pada waktu itu sebelum dapat memahami mesej sosialisme yang ingin disampaikan oleh pengarang.